

ARCA GANESA
DI DAERAH KUALA MUDA

ANANTHAN A/L NAGU

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2005

ARCA GANESA
DI DAERAH KUALA MUDA

OLEH

ANANTHAN A/L NAGU

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera**

March 2005

PENGHARGAAN

Dalam proses penyediaan latihan ilmiah ini banyak keperitan dan masalah yang saya telah hadapi sebagai pelopor bagi tajuk ini. Pertama, masalah untuk mendapatkan bahan; kedua kerjasama sesetengah pihak. Ketiga, kekurangan bahan bertulis; keempat sumber oral yang meragukan dan kelima, tapak-tapak yang terbiar. Namun atas limpah kurnia Tuhan yang Maha Esa saya telah dapat menyelesaikan juga akhirnya.

Oleh yang demikian melalui ruangan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr Zakariah Ali yang telah membimbing dan menjadi sumber insperasi saya. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Dr Jayabarathi yang banyak memberi tunjuk ajar dalam selok belok keagamaan yang berkaitan dengan Ganesa. Terima kasih juga diucapkan kepada kawan karip saya Encik Vasudevan yang telah memberikan sokongan dalam segala bentuk.

Jasa baik para pengarca tempatan dan kawan-kawan yang menolong saya mendapatkan bahan juga amat saya hargai. Akhir kata sokongan dan galakkan yang diberikan oleh ayah saya Encik Nagu tiada tolok bandingnya dan ribbon terima kasih ditujukan kepadanya.

Sekian, terima kasih.

Ananthan Nagu

Pusat Pengajian Seni

2004

ISI KANDUNGAN

NO. MUKA SURAT

| | |
|--|------------|
| Penghargaan | ii |
| Isi Kandungan | iii |
| Senarai Jadual | iv |
| Senarai Rajah | v |
| Abstrak (BM) | ix |
| Abstract (English) | x |
| | |
| Bab 1 Pengenalan | 1 |
| Bab 2 Arca Ganesa Di Daerah Kuala Muda | 22 |
| Bab 3 Ukuran Dan Bahan Yang Digunakan Dalam Pembuatan Arca Ganesa | 69 |
| Bab 4 Analisis Ganesa Dari Segi Arca | 146 |
| Bab 5 Ganesa Dan Nilai Estetik | 202 |
| Bibit-bibit Harapan | 209 |
| Biblografi | 211 |

SENARAI JADUAL

| | | |
|-------------|---|-----|
| Jadual 4.1 | : Bilangan arca Ganesa di kawasan Kuala Muda berdasarkan media. | 147 |
| Jadual 4.2 | : Saiz-saiz arca Ganesa yang terdapat di Daerah Kuala Muda | 148 |
| Jadual 4.3 | : Jenis arca yang terdapat di Daerah Kuala Muda | 149 |
| Jadual 4.4 | : Posisi Ganesa dan bilangan arca Ganesa | 151 |
| Jadual 4.5 | : Bilangan arca Ganesa dengan tempat duduknya | 152 |
| Jadual 4.6 | : Bilangan arca Ganesa dengan jumlah kepalanya | 153 |
| Jadual 4.7 | : Bilangan arca Ganesa yang berkedudukan bersama-sama dengan dewinya. | 154 |
| Jadual 4.8 | : Bilangan lengan Ganesa | 156 |
| Jadual 4.9 | : Statistik bilangan arca Ganesa dan posisi belalai | 157 |
| Jadual 4.10 | : Bilangan arca Ganesa dan warna-warnanya | 160 |

SENARAI RAJAH

| | | |
|-------------|--|----|
| Rajah 1.1 | : Lakaran Ganesa | 4 |
| Rajah 2.1 | : Peta Kedah dan Kedudukan Daerah Kuala Muda | 23 |
| Rajah 2.2 | : Peta Daerah Kuala Muda dan Pembahagian Mukim-mukim | 24 |
| Rajah 2.3 | : Plan kuil Ganesa di Bedong | 30 |
| Rajah 2.4 | : Lakaran Menara Kuil Ganesa di Bedong | 32 |
| Rajah 2.5 | : Ruang pengudaraan di menara Kuil Ganesa di Bedong | 33 |
| Rajah 2.6 | : Menara Kuil Bedong | 34 |
| Rajah 2.7 | : Lakaran plan kuil Ganesa di Batu Dua | 35 |
| Rajah 2.8 a | : Arca granit Ganesa yang dihias | 36 |
| Rajah 2.8 b | : Arca tembaga Ganesa yang dihias | 36 |
| Rajah 2.9 | : Lakaran Menara Kuil Ganesa di Batu Dua | 37 |
| Rajah 2.10 | : Gambar foto menara kuil Ganesa di Batu Dua | 39 |
| Rajah 2.11 | : Lakaran pelan Kuil Ganesa di Sungai Petani | 40 |
| Rajah 2.12 | : Gambar foto menara kuil Ganesa di Sungai Petani | 42 |
| Rajah 2.13 | : Gambar foto arca Ganesa di bawah pokok di Bedong | 44 |
| Rajah 2.14 | : Gambar foto menunjukkan arca Ganesa di Bukit Kuasa | 46 |
| Rajah 2.15 | : Arca Bala Ganesa di Kuil Bedong | 48 |
| Rajah 2.16 | : Arca Taruna Ganesa di Kuil di Sungai Petani | 49 |
| Rajah 2.17 | : Arca Bakti Ganesa di Sungai | 50 |
| Rajah 2.18 | : Arca Vira Ganesa di Kuil Sungai Petani | 51 |
| Rajah 2.19 | : Arca Sakri Ganesa di Kuil Bedong | 52 |
| Rajah 2.20 | : Arca Sithi Ganesa di Ladang Abu Bakar | 53 |
| Rajah 2.21 | : Arca Udhisda ganesa di Sungai Petani | 54 |
| Rajah 2.22 | : Arca Vigna Ganesa di Kuil Ganesa Sungai Petani | 55 |
| Rajah 2.23 | : Arca Shipra Ganesa di Kuil Sungai Petani | 56 |
| Rajah 2.24 | : Arca Hiramba Ganesa di Kuil Bedong | 57 |
| Rajah 2.25 | : Arca Vijaya Ganesa di Kuil Taman Keladi | 58 |
| Rajah 2.26 | : Arca Nadana Ganesa di Kuil Batu | 59 |
| Rajah 2.27 | : Arca Urdhva Ganesa di Kuil Bedong | 60 |
| Rajah 2.28 | : Arca Vara Ganesa di Kuil Sungai Petani | 61 |
| Rajah 2.29 | : Arca Tiragatcara Ganesadi Ladang Sungai Puntar | 62 |
| Rajah 2.30 | : Arca Sirashdi Ganesa di Ladang | 63 |
| Rajah 2.31 | : Arca Kshipra Ganesa di Kuil Padang Lembu | 64 |
| Rajah 2.32 | : Arca Thundi Ganesa di Ladang Perbadanan | 65 |
| Rajah 2.33 | : Arca Thuvija Ganesa di Kuil Bedong | 66 |
| Rajah 2.34 | : Arca Thurga Ganesa di Kuil Sungai Petani | 67 |
| Rajah 2.35 | : Arca Letchumi Ganesa di Kuil Sungai Petani | 68 |
| Rajah 3.1 | : Lakaran kedudukan jari-jari manusia | 73 |
| Rajah 3.2 | : Arca Ganesa dalam posisi berdiri | 76 |
| Rajah 3.3 | : Gambar ukuran Viral | 77 |
| Rajah 3.4 | : Arca Ganesa dalam posisi berdiri secara serong | 78 |
| Rajah 3.5 | : Ganesa dalam posisi duduk | 79 |
| Rajah 3.6 | : Ganesa dalam posisi menari | 81 |

| | | |
|------------|---|-----|
| Rajah 3.7 | : Ganesa dari pandangan belakang | 82 |
| Rajah 3.8 | : Arca Ganesa di Ladang Tyye Aik | 84 |
| Rajah 3.9 | : Turutan ukiran arca Ganesa daripada kayu | 86 |
| Rajah 3.10 | : Alatan ukiran kayu | 88 |
| Rajah 3.11 | : Arca Ganesa granit yang terdapat di Ladang Kuala Muda | 90 |
| Rajah 3.12 | : Alatan ukiran batu | 91 |
| Rajah 3.13 | : Gambar menunjukkan rangka arca Ganesa | 92 |
| Rajah 3.14 | : Arca Ganesa yang dilekatkan dengan serpihan batu-bata | 93 |
| Rajah 3.15 | : Arca yang siap disadur dengan simen licin | 94 |
| Rajah 3.16 | : Beberapa alatan yang digunakan untuk membentuk arca Ganesa dengan simen | 95 |
| Rajah 3.17 | : Alat yang digunakan untuk membentuk dawai | 96 |
| Rajah 3.18 | : Arca Ganesa yang dibentuk melalui acuan | 97 |
| Rajah 3.19 | : Sebahagian alatan yang diperlukan dalam arca Papier Mache Mache | 100 |
| Rajah 3.20 | : Arca yang sedang dibentuk oleh En. Arumugam | 101 |
| Rajah 3.21 | : Arca POP Ganesa di Kuil Taman Keladi | 103 |
| Rajah 3.22 | : Arca tembaga di Kuil Kem Tentera Sungai Petani | 105 |
| Rajah 3.23 | : Arca Ganesa di Lorong Kuala Muda dengan nyalaan lampu pelita dan bahan-bahan untuk sembahyang | 109 |
| Rajah 3.24 | : Arca Ganesa di Kuil Pinang Tunggal | 111 |
| Rajah 3.25 | : Corak fauna berbentuk gajah yang terdapat di bawah pentas arca Ganesa di Kuil Sungai Petani | 113 |
| Rajah 3.26 | : Corak abstrak di pentas arca Ganesa di Kuil Bedong | 114 |
| Rajah 3.27 | : Arca Ganesa di Kuil Kampung Rusa yang menempatkan unsur global di bahagian belakang kepala | 115 |
| Rajah 3.28 | : Arca Ganesa di Ladang Harvard yang berlatar belakang tulisan kaligrafi | 116 |
| Rajah 3.29 | : Arca Ganesa di Kuil Ladang Abu Bakar | 133 |
| Rajah 3.30 | : Arca Ganesa di Kuil Sungai Petani | 134 |
| Rajah 3.31 | : Arca Ganesa di Kuil Kampung Kuasa | 135 |
| Rajah 3.32 | : Arca Ganesa di Kuil Sungai Petani | 136 |
| Rajah 3.33 | : Arca Ganesa di Pekan Padang Lembu | 137 |
| Rajah 3.34 | : Arca Ganesa di Kampung Abu Bakar | 138 |
| Rajah 3.35 | : Arca Ganesa di Pekan Padang Lembu | 139 |
| Rajah 3.36 | : Arca Ganesa di Kuil Sungai Petani | 141 |
| Rajah 3.37 | : Arca Ganesa di Kampung Bukit Selamban | 142 |
| Rajah 3.38 | : Arca Ganesa di Kuil Bedong | 144 |
| Rajah 4.1 | : Arca dinding Ganesa di Kuil Batu Dua | 150 |
| Rajah 4.2 | : Arca Ganesa di Kuil Sungai Petani | 152 |
| Rajah 4.3 | : Arca Ganesa bersama dewi yang terdapat di Kuil Sungai Petani | 155 |
| Rajah 4.4 | : Arca amnya bertangan 16 yang terdapat di Kuil Bedong. | 157 |
| Rajah 4.5 | : Huruf 'Hu' | 159 |
| Rajah 4.6 | : Arca Ganesa di Kuil Sungai Petani | 161 |
| Rajah 4.7 | : Lakaran Kedudukan Kaki Ganesa | 162 |
| Rajah 4.8 | : Arca Ganesa di Kuil Kampung Abu Bakar | 163 |

| | | |
|--------------|---|-----|
| Rajah 4.9 | : Lakaran kedudukan kaki Ganesa dalam posisi Latitasana | 164 |
| Rajah 4.10 | : Lakaran Kedudukan kaki Ganesa dalam Keadaan Nvitya | 164 |
| Rajah 4.11 | : Kedudukan kaki Ganesa dalam posisi Padmasana | 165 |
| Rajah 4.12 a | : Belalai di sebelah kiri | 166 |
| Rajah 4.12 b | : Belalai di sebelah kanan | 166 |
| Rajah 4.13 a | : Lakaran pelbagai bentuk belalai | 166 |
| Rajah 4.13 b | : Lakaran pelbagai bentuk belalai | 167 |
| Rajah 4.14 | : Lakaran pelbagai bentuk belalai Ganesa yang menghala ke kanan | 167 |
| Rajah 4.15 | : Gambar kedudukan jari manusia | 169 |
| Rajah 4.16 | : Kedudukan Jari (Abaya Hastam) | 169 |
| Rajah 4.17 | : Kedudukan Jari (Varata Hastam) | 170 |
| Rajah 4.18 | : Kedudukan Jari (Kadaga Hastam) | 171 |
| Rajah 4.19 | : Kedudukan Jari (Simma Karna Hastam) | 173 |
| Rajah 4.20 | : Kedudukan Jari (Viyakiyana Hastam) | 173 |
| Rajah 4.21 | : Kedudukan Jari (Susi Hastam) | 174 |
| Rajah 4.22 | : Kedudukan Jari (Darjani Hastam) | 175 |
| Rajah 4.23 | : Kedudukan Jari (Karthari Muka Hastam) | 176 |
| Rajah 4.24 | : Kedudukan Jari (Alabatma Hastam) | 177 |
| Rajah 4.25 | : Kedudukan Jari (Pallawa Hastam) | 177 |
| Rajah 4.26 | : Kedudukan Jari (Arta Pathaga Hastam) | 178 |
| Rajah 4.27 | : Kedudukan Jari (Nyana Hastam) | 179 |
| Rajah 4.28 | : Kedudukan Jari (Trisula Hastam) | 179 |
| Rajah 4.29 | : Kedudukan Jari (Musdi Hastam) | 180 |
| Rajah 4.30 | : Kedudukan Jari (Sigara Hastam) | 180 |
| Rajah 4.31 | : Kedudukan Jari (Damaru Hastam) | 181 |
| Rajah 4.32 | : Kedudukan Jari (Thandana Hastam) | 181 |
| Rajah 4.33 | : Kedudukan Jari (Anjali Hastam) | 182 |
| Rajah 4.34 | : Kedudukan Jari (Thanur Hastam) | 182 |
| Rajah 4.35 | : Kedudukan Jari (Halinggana Hastam) | 183 |
| Rajah 4.36 | : Kedudukan Jari (Nitra Hastam) | 183 |
| Rajah 4.37 | : Kedudukan Jari (Harta Chandra Hastam) | 184 |
| Rajah 4.38 | : Pasam | 185 |
| Rajah 4.39 | : Panah | 186 |
| Rajah 4.40 | : Tantham | 186 |
| Rajah 4.41 | : Vil | 186 |
| Rajah 4.42 | : Sakaram | 187 |
| Rajah 4.43 | : Katti | 187 |
| Rajah 4.44 | : Kedagam | 188 |
| Rajah 4.45 | : Vethalam | 188 |
| Rajah 4.46 | : Vachiram | 189 |
| Rajah 4.47 | : Angusam | 189 |
| Rajah 4.48 | : Sammati | 190 |
| Rajah 4.49 | : Kathai | 191 |
| Rajah 4.50 | : Nagapasam | 191 |
| Rajah 4.51 | : Soolam | 191 |
| Rajah 4.52 | : Kunthali | 191 |
| Rajah 4.53 | : Malu | 192 |

| | | |
|------------|--------------------------------------|-----|
| Rajah 4.54 | : Kodi | 192 |
| Rajah 4.55 | : Tandam | 192 |
| Rajah 4.56 | : Kamandalam | 193 |
| Rajah 4.57 | : Parasu | 193 |
| Rajah 4.58 | : Karumbu Vil | 193 |
| Rajah 4.59 | : Sangu | 194 |
| Rajah 4.60 | : Malar Ambu | 194 |
| Rajah 4.61 | : Kodari | 195 |
| Rajah 4.62 | : Akamalai | 195 |
| Rajah 4.63 | : Samaran | 195 |
| Rajah 4.64 | : Udaival | 196 |
| Rajah 4.65 | : Thee Agal | 196 |
| Rajah 4.66 | : Veenai | 196 |
| Rajah 4.67 | : Modaka | 196 |
| Rajah 4.68 | : Kalasa | 197 |
| Rajah 4.69 | : Lambodara | 198 |
| Rajah 4.70 | : Kelapa | 198 |
| Rajah 4.71 | : Sastra | 199 |
| Rajah 4.72 | : Huruf 'Aum' | 200 |
| Rajah 4.73 | : Swastika | 201 |
| Rajah 4.74 | : Mushika Vahana | 201 |
| | | |
| Rajah 5.1 | : Arca Batu Ganesa, Pengkalan Bujang | 203 |
| Rajah 5.2 | : Penemuan artifak zaman dahulu | 204 |
| Rajah 5.3 | : Arca Ganesa pada batu | 205 |

ARCA GANESA DI DAERAH KUALA MUDA

ABSTRAK

Projek ilmiah ini membincangkan tentang arca-arca Ganesa yang terdapat di sekitar Daerah Kuala Muda, Kedah. Saya memilih arca Ganesa ini sebagai bahan kajian kerana Ganesa ialah dewa agama Hindu yang mempunyai rupa bentuk yang unik. Figuranya adalah kombinasi bentuk manusia dan gajah. Di samping itu, tajuk ini juga menjadi pilihan kerana sehingga kini tidak seorang pun yang telah menerokai bidang ini. Satu lagi perkara yang ingin saya tekankan di sini ialah arca Ganesa dan Agama Hindu merupakan dua unsur yang tidak boleh dipisahkan dan ia berkait di antara satu sama lain. Justeru itu saya terpaksa menyentuh serba sedikit tentang Agama Hindu dan kepercayaan masyarakat dalam proses penerangan prosedur-prosedur pembuatan arca. Bab pertama kajian ini memberi penerangan tentang kelahiran Ganesa. Bab kedua menerangkan tentang pelan kuil-kuil di mana Ganesa ditempatkan di Daerah Kuala Muda. Bab ketiga pula merangkumi penerangan tentang pembentukkan anggota-anggota Ganesa, jenis media dan proses pembuatannya. Bab keempat ini juga telah diselitkan maklumat mengenai pengarca tempatan dan pengarca luar negara. Bab kelima mempunyai maklumat tentang nilai-nilai estetika yang terdapat pada arca Ganesa. Projek ilmiah ini telah ditulis berdasarkan kajian, penelitian, temuramah, rujukan sumber utama dan sumber kedua.

THE SCULPTURE OF GANESA IN THE DISTRICT OF KUALA MUDA

ABSTRACT

This academic exercise discusses the various sculptures of Ganesa which are found in temples in and around the district of Kuala Muda, Kedah. I chose sculpture of Ganesa as my research material because Ganesa is a Hindu deity which has a unique form. Its figure is a combination of human and elephant form. Apart from this, this topic was chosen because it has not been explored and researched by anyone until now. Another point that I would like to stress is the fact that Ganesa's image and Hinduism are so intertwined that they can not be separated from each other. Thus, I have to include Hinduism and the beliefs of Hindu's in discussing the procedures that takes place in the sculpturing of Ganesa's image. This academic exercise has been written in such a way as to provide the reader a clear picture of Ganesa, and appreciate the artistic elements that is found on its sculpture. This research has 5 chapters. The first chapter provides an explanation about the birth of Ganesa. The second chapter on the other hand, explains the temples' plans in which Ganesa is positioned in the district of Kuala Muda. The third chapter consists of explanations on the various parts of Ganesa, types of media and the sculpturing process. Followed by chapter four, in which analysis of Ganesa's image in terms of size, media, colour, and positions is visualised. Finally, chapter five provides information about the aesthetic values that are found on Ganesa's image. This academic exercise has been written based on research, observations, interviews, primary and secondary reference materials. As this research is a pioneering endeavour, it is hoped that the mistakes and shortcomings could be forgiven.

BAB 1: PENGENALAN

GANESA DALAM AGAMA HINDU

Dewa Ganesa disebut sebagai dewa yang unggul berdasarkan rupa bentuknya. Sesiapa sahaja yang melihat Arca Dewa Ganesa tentunya terpegun dan dapat merasakan adanya satu daya tarikan pada bentuk berkenaan. Dewa Ganesa mempunyai kepala gajah. Ia menggambarkan adanya ciri-ciri binatang pada rupa bentuknya. Dengan adanya lengan yang lebih daripada dua maka Ganesa dikatakan mempunyai ciri-ciri dewa. Badannya yang menyerupai bentuk manusia. Perut yang buncit dan kakinya yang pendek serta tebal pula merupakan ciri-ciri raksaksa. Kombinasi kesemua ciri-ciri ini dapat huraian yang meluas dalam Agama Hindu¹.

Dengan melihat paras rupa Ganesa kita tidak boleh menganggapnya sebagai binatang. Pada masa yang sama walaupun bentuk badanya menyerupai manusia namun Ganesa tidak boleh dikategorikan sebagai manusia. Perut dan kakinya yang menyerupai raksaksa bukanlah ciri utama yang boleh menggolongkannya sebagai raksaksa. Ganesa bukanlah binatang, bukan manusia dan bukan raksaksa. Rupa bentuknya unik sebab itulah ia dipuja oleh pengikut-pengikutnya sebagai tuhan mereka. Kepala Ganesa yang besar menggambarkan daya berfikir yang kuat. Telinganya merujuk kepada kepintaran. Mata yang kecil pula mempunyai maksud bahawa dia boleh menunaikan permintaan pengikutnya tanpa melihat kekurangan yang ada pada diri mereka. Belalai Ganesa yang panjang dan menyentuh darat pula mencerminkan bahawa Ganesa adalah dewa yang penyayang, menerima apa sahaja yang disembahkan kepadanya dengan hati rela. Ganesa mempunyai lima lengan, termasuk belalainya. Kelima-lima lengan Ganesa mempunyai

¹ G.M. Subramaniam, *Vinayagar Nyanamum Vinyanamum*, (Chennai : Srirupavision,1995) m.s. 5.

fungsi mencipta, menjaga, melindungi, memusnahkan dan mengurniakan rahmat². Mencipta bermaksud Ganesa adalah Tuhan yang mencipta segala-galanya di alam ini. Menjaga pula bermaksud selepas proses mencipta Ganesa menjaga semua benda yang diwujudkan. Melindungi pula bermaksud Dewa Ganesa melindungi segala bahan yang diciptanya daripada bencana. Akhir sekali Dewa Ganesa juga¹ berperanan sebagai pemusnah kejahatan dan kejahilan.

Perut Ganesa yang buncit pula memberi gambaran bahawa segala alam iaitu alam nyata dan alam tidak nyata berada di dalam cengkamannya. Ganesa berkuasa penuh ke atas segala kewujudan di alam ini. Tidak ada sebarang kuasa lain yang boleh menandinginya. Manakala kaki Ganesa yang pendek dan gemuk pula memberi petunjuk kepada pengikutnya tentang langkah-langkah yang perlu dipatuhi untuk mencapai *moksha* (kesempurnaan hidup).

Oleh kerana rupa bentuk Ganesa sangat unik dan pembentukkan setiap satu anggotanya mempunyai maksud maka para pengarca tidak boleh membuat arca Ganesa sambil lewa. Seorang pengarca yang ingin membuat arca Ganesa untuk dipuja mestilah mempunyai beberapa kriteria yang penting. Antara kriteria yang dimaksudkan ialah pengarca itu mestilah mempunyai budi pekerti yang baik. Dia juga perlu mengawal kelima-lima derianya untuk mendapatkan konsentrasi. Pada masa yang sama pengetahuan dalam bidang pengukuran, matematik, seni arca dan pengetahuan dalam Veda juga diperlukan. Veda ialah kitab-kitab lama yang menerangkan tentang agama dan peradaban manusia. Hanya pengarca yang mempunyai aspek-aspek di atas sahaja yang boleh membuat arca Ganesa yang mempunyai unsur kesucian yang sesuai untuk dipuja.

² Virasamy Pilai, *Sri Ganesar Alayam*, (Kuala Lumpur : Saiva Paripalana Sabai, 1996) m.s. 39.

Arca Ganesa kebiasaannya dibentuk dalam beberapa ikonografi iaitu keadaan berdiri, keadaan duduk keadaan menari dan dalam keadaan menaiki binatang kesayangannya iaitu tikus. Untuk pemujaan di rumah dan untuk diletakkan di tempat-tempat umum arca Ganesa yang berada dalam keadaan duduk adalah sangat sesuai. Arca Ganesa yang dibentuk dalam keadaan berdiri pula lebih sesuai diletakkan di pusat rahim kuil. Rupa bentuk Ganesa pula mula-mula dibahagikan kepada lapan. Kemudian angka ini telah meningkat kepada dua belas. Seterusnya bilangan ini telah berubah kepada enam belas dan kini terdapat tiga puluh dua jenis rupa bentuk Ganesa³. Semua rupa bentuk arca Ganesa yang wujud pada hari ini mempunyai ciri-ciri tiga puluh dua jenis Ganesa ini. Perubahan rupa bentuk Ganesa ini juga telah mempengaruhi barang-barang kemas yang dipakai olehnya dan cara pemujaannya. Dari segi barang-barang kemas pula pengarca lebih gemar mengukir corak-corak yang terkini pada arca. Corak-corak ini sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Cara pemujaan Ganesa juga mengalami perubahan yang ketara. Pada zaman dahulu cara pemujaannya terlalu ketat dan terdapat banyak pantang larang. Tetapi kini sikap manusia yang mengejar kehidupan duniawi telah mengubah cara penyembahan dan proses pemujaan ini mengikut kesenangan masing-masing.

KELAHIRAN DEWA GANESA

Ganesa membawa maksud ketua kepada cakrawala. Ganesa adalah anak lelaki kepada Dewa Siva dan Dewi Parvathi. Ganesa mempunyai kepala gajah yang mana salah satu gandingannya kelihatan patah. Perutnya pula buncit dan selalunya ia digambarkan dengan menunggang tikus iaitu binatang peliharaan kegemarannya. Terdapat banyak

³ S.Thandabani, *Ganapathi*, (Chennai : Thiruvaduthurai Athinan,1992) m.s.15

mitos yang menerangkan tentang kelahiran Dewa Ganesa ini. Namun begitu hanya empat mitos yang begitu popular dan sering diceritakan untuk menerangkan tentang kelahiran Ganesa.



Rajah 1.1 : Lakaran Ganesa

MITOS PERTAMA

Dewa Siva dan Dewi Parvathi adalah pasangan suami isteri yang intim. Sudah lama Dewi Parvathi inginkan seorang anak dan akhirnya hasrat beliau tercapai. Dewi Parvathi telah mengumpulkan segala daki dari badannya dan menyebut beberapa mantra. Maka munculah seorang

budak lelaki yang bernama Ganesa. Pada masa ini Dewa Siva telah keluar dan beliau tidak tahu menahu tentang kewujudan Ganesa ini. Pada suatu hari Dewi Parvathi ingin mandi di kolam dan beliau telah menyuruh anaknya Ganesa untuk mengawal kawasan sekeliling. Ganesa pun menurut perintah ibunya. Kebetulan pada waktu itu Dewa Siva telah pulang. Dewa Siva ingin berjumpa dengan isterinya tetapi tidak dibenarkan oleh Ganesa. Walaupun dipujuk berkali-kali namun Ganesa tetap tidak membenarkan Dewa Siva melihat isterinya. Dewa Siva yang murka dengan perbuatan Ganesa akhirnya telah memancung kepalanya tanpa menyedari yang Ganesa itu ialah anaknya. Apabila menyedari kejadian tersebut Dewi Parvathi telah mengamuk dan beliau mengancam untuk memusnahkan segala alam ini. Melihatkan keadaan ini Dewa Siva telah mengarahkan seorang pekerjanya keluar dan mencari kepala pertama yang dijumpainya. Pekerja itu pula telah membawa kepala seekor gajah yang akhirnya dicantumkan pada badan Ganesa. Maka wujudlah seorang dewa yang berwajah gajah dan berbadan manusia iaitu satu rupa bentuk Dewa Hindu yang unik⁴.

MITOS KEDUA

Menurut cerita ini pula Dewi Parvathi telah mencipta seorang budak lelaki yang comel daripada daki badannya dan mantera-mantera. Budak lelaki berkenaan dinamakan Ganesa dan dipelihara dengan penuh kasih sayang oleh Dewi Parvathi. Pada suatu hari Dewa Siva telah pulang ke rumah. Tetapi Ganesa yang tidak mengenali bapanya itu enggan membenarkan bapanya masuk ke dalam rumah. Ganesa juga telah menghina bapanya dengan kata-kata yang keji. Peristiwa ini telah membangkitkan kemarahan Dewa Siva lalu beliau telah menghantar Bhuta Gana iaitu seekor raksaksa untuk menakutkan

⁴ G.M.Subramaniam, *Vinayagar Nyanamum Vinyanamum*, (Chennai : Srirupavision, 1995) m.s.8

Ganesa. Sebaliknya Ganesa telah berjaya mengalahkan raksaksa ini. Beberapa orang pekerja yang dihantar oleh Dewa Siva kemudiannya juga telah ditewaskan oleh Ganesa. Malangnya pada akhir pertempuran Ganesa telah kehilangan kepalanya. Apabila mendapat tahu tentang peristiwa ini Dewi Parvathi tidak dapat menahan kesedihannya. Sebagai usaha memujuknya Dewa Siva telah mengarahkan para pekerjanya untuk mencari kepala Ganesa tersebut untuk dicantumkan. Tetapi kepala tersebut tidak dijumpai. Satu keputusan telah diambil kemudiannya iaitu kepala binatang atau kepala manusia yang dijumpai terdahulu akan digunakan untuk menghidupkan Ganesa. Akhirnya kepala gajah yang dijumpai dan ia telah dicantumkan pada badan Ganesa. Dewi Parvathi masih lagi tidak puas hati dan merasakan bahawa Ganesa harus dikurniakan dengan sesuatu yang berharga sebagai gantirugi. Atas desakkan Dewi Parvathi, Dewa Siva telah mengurniakan Ganesa sebagai dewa yang ulung. Ini bermakna Dewa Ganesa mestilah dipuja terlebih dahulu sebelum memuja dewa-dewa lain. Ia adalah sejajar dengan peranan Ganesa iaitu sebagai Dewa Penghalang Rintangan dan oleh sebab itu beliau harus disembah terlebih dahulu⁵.

MITOS KETIGA

Menurut cerita ini Dewi Parvathi iaitu isteri kepada Dewa Siva ingin bersiram di kolam milik peribadinya berhampiran dengan Banjaran Himalaya. Apabila tiba di kawasan tersebut Dewi Parvathi mula risau akan keselamatannya. Memandangkan kesemua dayang-dayangnya ialah perempuan maka Dewi Parvathi memerlukan seorang lelaki untuk dijadikan pengawal. Seseorang lelaki yang dimaksudkan itu mestilah terjadi daripada darah dagingnya supaya segala perintahnya dapat dilaksanakan tanpa was-was.

⁵ S.Thandabani, *Ganapathi*, (Chennai : Thiruvaduthurai Athinan,1992) m.s.28

Dewi Parvathi kemudiannya telah mengambil serbuk kunyit yang digunakan untuk mandi dan menyapukannya pada seluruh badan. Kemudian Dewi telah mengikis semula serbuk kunyit berkenaan daripada badannya dan membentuk seorang budak lelaki yang tampan dan bertubuh tegap. Nyawa telah ditiupkan oleh dewi pada budak lelaki berkenaan. Dewi kemudiannya telah mengarahkan budak lelaki yang bernama Ganesa itu untuk mengawal kawasan sekitar dan tidak membenarkan sesiapaupun menceroboh. Pada masa yang sama Dewa Siva yang baru sahaja menang dalam pertarungannya dengan raksaksa kembali dan beliau ingin meraikan kemenangannya bersama-sama dengan Dewi. Dewa Siva telah meminta kebenaran daripada Ganesa untuk berjumpa dengan isterinya tetapi Ganesa tetap tidak membenarkannya. Malah Ganesa telah mengugut untuk mengusir Dewa Siva dan pengikutnya jika mereka tidak beredar dari kawasan berkenaan. Akhirnya Dewa Siva yang murka dengan kelakuan Ganesa yang biadap dan tidak menghormatinya itu telah memancung kepala Ganesa. Darah keluar dengan melimpah-limpah dan membasahi kawasan sekitarnya. Perbuatan Dewa Siva ini telah menyebabkan Dewi Parvathi meradang dan berpendapat dirinya tidak dihormati sebagai seorang dewi. Dewa Siva yang melihat keadaan itu merasa serba salah dan menyuruh pengikut-pengikutnya mencari kepala yang pertama dijumpai di arah utara. Mereka telah menemui seekor gajah yang sedang tidur dan akhirnya kepala gajah itu telah dicantumkan pada badan Ganesa dan lahirlah seorang dewa yang bernama Ganesa.

MITOS KEEMPAT

Dalam kitab "*Brahma Purana*" pula kelahiran Ganesa telah dijelaskan seperti berikut. Dewa Siva telah meminta isterinya Dewi Parvathi yang inginkan seorang anak

untuk berpuasa selama setahun dan mengamalkan beberapa pantang larang. Setelah melihat kesungguhan Dewi Parvathi berpuasa Dewa Krisna iaitu salah seorang Dewa Hindu yang terkenal telah lahir sebagai anaknya. Kelahiran ini telah disambut dengan meriah oleh kedua ibubapanya. Semua dewa-dewa telah mengunjungi Dewi Parvathi untuk melihat bayi tersebut. Dewa Shani (anak syurga) juga telah hadir ke majlis tersebut. Oleh kerana perasaan cemburu beliau tidak mahu melihat bayi berkenaan. Melihatkan keadaan ini Dewi Parvathi telah memujuk Dewa Shani supaya mendukung dan mengurniakan rahmat ke atas bayi berkenaan. Atas permintaan Dewi, Dewa Shani telah memandang bayi berkenaan dengan penuh kebencian dan rasa dendam. Pandangan Dewa Shani yang tajam tersebut menyebabkan kepala bayi berkenaan terpancung dan terbang. Kesemua dewa-dewa yang berada di tempat kejadian amat terkejut dan terharu dengan peristiwa berkenaan. Dewa Vishnu salah seorang lagi Dewa Hindu yang berada di tempat kejadian pada masa itu telah mengarahkan Garuda iaitu helang besar kesayangannya untuk mencari kepala bayi berkenaan. Namun segala usahanya gagal. Akhirnya Garuda telah membawa balik kepala seekor gajah yang kecil dan ia telah dicantumkan pada badan bayi tersebut. Semua dewa telah merestui Ganesa dan mengistiharkan bahawa Ganesa adalah dewa yang utama dan patut disembah dahulu sebelum sebarang upacara⁶.

NAMA-NAMA LAIN BAGI GANESA

Pelbagai nama digunakan untuk mengenali Dewa Ganesa. Ini termasuklah Pillaiyar (anak), Vinayaga Murti (dewa pengelak halangan), Vinayaka (penghapus halangan), Ganapati (ketua segala dewa-dewa kecil), Ainkaran (dewa bertangan lima), Anaimugan (Dewa berkepala gajah), Tumbikaiyan (dewa yang mempunyai belalai),

⁶ S.Thandabani, *Ganapathi*, (Chennai : Thiruvaduthurai Athinan,1992) m.s.20

Vikneswaran (dewa penghalang kedukaan yang berkuasa), Gajamugan (dewa bermuka gajah), Citti Vinayakar (dewa ilham), Kuttatum Pillaiyar (si anak yang menarik), Anakuca-paca-yenti (dewa memegang angkus dan tali) dan pelbagai lagi. Kebanyakan nama-nama tersebut diambil daripada Bahasa Sanskrit⁷.

PERANAN GANESA DALAM AGAMA HINDU

Ganesa adalah tuhan yang sangat istimewa di kalangan penganut-penganut Hindu. Mengikut pendapat para pengkaji pemujaan Ganesa bermula sekitar abad ke-6 (A.D.). Selepas itu ia berkembang begitu pesat sehingga menjadi satu kepercayaan yang tersendiri yang dikenali sebagai "Ganapatyam". Tuhan Ganesa juga telah dipinjam oleh agama-agama lain seperti Buddha dan Jainism serta pemujaannya tersebar luas di Asia. Ganesa telah mencapai kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakat Hindu dan ia merupakan salah satu pemujaan yang terpenting di India sekarang.

Pemujaan Ganesa dikatakan sangat kukuh semasa pemerintahan Gupta dan Pasca Gupta. Ini dapat dibuktikan dengan batu-batu bersurat di Ghatiala yang terletak berdekatan dengan Jodhpur atau Rajasthan. Batu bersurat itu bertarikh 862 A.D. dan menunjukkan sudah wujud ciri-ciri pemujaan dewa Ganesa. Imej-imej Ganesa juga dapat dilihat pada batu-batu yang dipahat di kuil-kuil di Elephanta, Ellora dan Badami di India. Di Asia Tenggara Ganesa dipuji sebagai Dewa Brahmin manakala di Timur Jauh ia diubahsuai menjadi dewa agama Buddha⁸.

⁷ V.Ganapathi Stapati, *Serpa Sennul* (Chennai, Tamil Nadu : Thozhil Nudpa Kalvi Iyakam :1978) m.s.274

⁸ G.M.Subramaniam, *Vinayagar Nyanamum Vinyanamum*, (Chennai : Srirupavision,1995) m.s.62

CARA-CARA MENYEMBAHNYA

Hampir kesemua penganut agama Hindu menyedari bahawa Dewa Ganesa harus dihormati terlebih dahulu sebelum apa-apa upacara diadakan. Di kawasan kajian iaitu di Daerah Kuala Muda pun kita dapat lihat dewa-dewa Ganesa dipuja dahulu sebelum upacara lain berlangsung. Malah bukan dari segi sembahyang sahaja malah dalam penghasilan penulisan, setiap hasil tulisan akan dimulakan dengan "pillaiyar Culi" (sesuatu simbol yang menandakan dewa Ganesa), Pillaiyar Culi ditandakan seperti "☪".

Menurut kepercayaan orang Hindu "Pillaiyar Culi" dipercayai akan membawa kejayaan kerana Ganesa juga berfungsi sebagai penghapus halangan. Dengan ini diharap setiap hasil kerja akan membawa kejayaan dan kita juga harus sentiasa ingat akan kekuasaan tuhan. Kesimpulannya Ganesa juga disifatkan sebagai pemberi ilham dan menolak kekotoran serta kekeliruan fikiran.

FESTIVEL GANESA ATAU PERAYAAN-PERAYAAN GANESA

Perayaan-perayaan Agama Hindu yang dijalankan hingga hari ini mempunyai fungsinya yang tersendiri iaitu untuk menghiburkan dewa dan pengikut -pengikut dewa berkenaan. Oleh kerana dalam Agama Hindu terdapat ramai dewa dan dewi maka setiap seorang dewa atau dewi berkenaan mempunyai perayaannya yang tersendiri. Ganesa juga terdapat tidak ketinggalan dalam hal ini. Perayaan-perayaan ini adakalanya disambut di rumah. Ada masanya pula ia disambut beramai-ramai di kuil. Tarikh yang tetap untuk menyambut perayaan ini ditentukan oleh ahli-ahli astrologi berdasarkan pengiraan bulan

dan bintang serta merujuk kepada kalendar agama Hindu⁹. Dalam perayaan ini beberapa aktiviti diadakan seperti aktiviti membayar nazar dengan mengangkat "kavedi", berpuasa menyanyi, menari tarian klasik, mengadakan konsert muzik tradisional, bercerita berkenaan cerita dewa-dewi dan mengadakan drama-drama klasik yang berkaitan dengan dewa-dewi.

Menurut M.Arunachalam dalam bukunya *Festivals Of Tamil Nadu*:

*"There are three aspects to every festival in the land. The first is the ritualistic aspect- the various steps of its celebration... performance of a puja, preliminary arrangements, etc. The second is the legend aspect-the ancient stories which had grown round it... The third is the philosophical or esoteric aspect which gives significance to the celebration and has kept it alive through so many centuries"*¹⁰

Seperti yang dinyatakan di atas perayaan-perayaan Ganesa mempunyai ketiga-tiga aspek berkenaan. Oleh yang demikian tidak hairanlah kenapa ia disambut secara beramai-ramai oleh pengikutnya hingga ke hari ini. Antara perayaan-perayaan Ganesa yang termasyur ialah:

- i) Ganesa Chaturti
- ii) Ganesa Visarjana
- iii) Ganesa Varatham
- iv) Markali Ganesa
- v) Pancha Ganesa

⁹ Satguru Sivaya Subramuniaswami, *Loving Ganesa* (New York, Himalaya Academy, 2000) m.s.299

¹⁰ M.Arunachalam, *Festivals of Tamil Nadu* (Tamil Nadu : Tiruchitrambalam: Gandhi Vidyalayam 1980) m.s.22

GANESA CHATURTI

Perayaan Ganesa Chaturthi atau lebih dikenali sebagai Vinayaga Chaturthi merupakan perayaan yang disambut untuk hari kelahiran Ganesa. Perayaan yang disambut secara besar-besaran di India ini diraikan pada hari keempat dalam bulan Avani (mengikut kalendar agama Hindu). Pada hari berkenaan kuil dan rumah-rumah pengikut Ganesa akan dihiasi dengan pokok pisang, daun mangga dan batang tebu. Di kuil-kuil pula pengikut-pengikut Ganesa akan membawa bakul-bakul manisan dan buah-buahan untuk tujuan penyembahan. Bahan-bahan ini akan diletakkan di hadapan arca Ganesa semasa pemujaan dijalankan. Pemujaan akan dijalankan pada keseluruhan hari iaitu dari pagi hingga petang¹¹.

Perayaan di rumah pula akan disambut dengan melukis *Kolam* (lukisan yang dibuat di atas lantai dengan menggunakan tepung beras). "*Kolam*" biasanya dilukis di halaman rumah. Daun kelapa muda juga digunakan sebagai perhiasaan. Daun ini akan dibelah dan dilipat-lipat sehingga membentuk satu corak yang indah. Kemudian ia akan digantung sekeliling rumah. Arca Ganesa yang baru dibentuk dengan menggunakan tanah liat pula akan diletakkan di sebelah utara sudut rumah. Arca ini biasanya diletakkan di atas *kolam* yang berupa bunga teratai yang mempunyai 8 kelopak. Pada setiap kelopak berkenaan akan diletakkan segenggam padi yang baru dituai. Hanya bunga yang berwarna putih sahaja digunakan untuk upacara pemujaan Ganesa ini seperti bunga Melor, bunga Erukku dan sebagainya. Buah-buahan dan kelapa ini kemudiannya akan diberikan sebagai buah tangan kepada pengikut Ganesa yang mengikuti pemujaan tersebut. Pada sebelah petang imej Ganesa yang diperbuat daripada tanah liat berkenaan akan diangkat beramai-ramai oleh kaum lelaki untuk dihanyutkan di laut atau di sungai.

¹¹ Satguru Sivaya Subramuniyaswami, *Loving Ganesa* (New York., Himalaya Academy, 2000) m.s.299

Perbuatan ini secara simboliknya menerangkan Ganesa yang dibentuk daripada tanah liat telah dikembalikan ke tanah. Begitu juga dengan manusia. Satu hari nanti manusia ini akan kembali ke tanah juga. Perayaan Ganesa Chaturthi ini akan disambut secara meriah untuk mendapat restu dan berkat daripada Ganesa supaya para pengikutnya mencapai kejayaan dalam hidup¹².

GANESA VISARJANA

Ganesa Visarjana pula ialah perayaan yang diadakan untuk memulangkan Ganesa ke sungai atau ke laut. Dalam bahasa sanskrit *Visarjana* membawa maksud perpisahan. Upacara ini biasanya diadakan di Maharashtra India. Perayaan ini disambut selama 10 hari dan pada hari kesepuluh sahaja Ganesa akan dihanjutkan¹³. Perayaan Ganesa Visarjana ini lebih merupakan satu majlis perpisahan. Sebelum arca-arca Ganesa diperbuat daripada tanah liat ini dihanyutkan ia akan diarak di sekitar kampung atau bandar dengan iringan muzik, tarian dan lagu-lagu agama. Selepas arakan Ganesa di bawa ke tebing sungai atau ke pantai untuk dihanyutkan. Ganesa akan diletakkan di atas pelantar khas dan kemudian dihanyutkan dengan pembacaan mantera-mantera. Para pengikut Ganesa biasanya akan menunggu di tepi pantai atau di tebing-tebing sungai sehingga arca Ganesa berkenaan tidak kelihatan. Upacara ini disambut oleh pengikut-pengikut Ganesa sejak turun temurun tetapi pada awal kurun ke-20 ia telah menjadi begitu popular.

Menurut Sri S.K. Deodhar dalam akhbar “Hinduism Today” 1988:

¹² Satguru Sivaya Subramuniyaswami, *Saivite Hindu Religion* (New York : Himalaya Academy, 1995) m.s.75

¹³ Satguru Sivaya Subramuniyaswami, *Loving Ganesa* (New York., Himalaya Academy, 2000) m.s.301

Lokmanya Tilak Maharashtra and freedom from British rule, gave the call around 1910 to celebrate the Ganesa festival as the public puja, so as to mobilize people to come together to build up a strong , united India based on her holy traditions and scriptural teaching. Since then, people observe the festival, both at home and the public , with options of one and one-half days to 5, 7 or 10 days¹⁴.

Dengan demikian memanglah kita tidak dapat menyangkal pendapat yang menyatakan Ganesa berfungsi menyatukan pengikut-pengikutnya. Melalui perayaan Ganesa Visarjana, ini semua pengikut-pengikut Ganesa dari seluruh pelusuk India akan bersatu dan bergandeng bahu menjayakannya. Pada tahun 1988 upacara Ganesa Visarjana ini telah diadakan secara besar-besaran di Amerika Syarikat. Ia dikenalpasti sebagai upacara Agama Hindu yang terbesar sekali yang telah diadakan dalam sejarah Amerika Syarikat. Sebanyak 2000 pengikut -pengikut Ganesa telah berkumpul di San Francisco California dan upacara pemisahan ini dijalankan di Golden Gate Bridge dengan iringan semboyan, bunyi loceng dan alat muzik gendang. Sejak itu upacara ini telah menjadi begitu terkenal di seluruh dunia sehingga ke kawasan kajian.

GANESA VARATAM

Ganesa Varatam ialah upacara yang diadakan selama 21 hari untuk mengingati Ganesa. Ia diadakan pada bulan *Kathikai* (dari pertengahan bulan November hingga pertengahan bulan Disember). Pada hari-hari berkenaan pemujaan istimewa untuk Ganesa akan diadakan di kuil. Ramai pengikut-pengikut Ganesa juga akan mengamalkan “Varatam” (puasa) pada masa ini. Mereka hanya memakan sekali dalam sehari. Makanan yang diambil pula adalah terdiri daripada buah-buahan, susu dan bijirin jenis kacang.

¹⁴ Satguru Sivaya Subramuniyaswami, *Loving Ganesa* (New York., Himalaya Academy, 2000) m.s. 310

MARKALI GANESA

Margali Ganesa merupakan upacara yang diadakan di setiap rumah pengikut-pengikut Ganesa. Upacara pemujaan untuk Ganesa pada kali ini diadakan selama sebulan iaitu pada bulan yang dipanggil “*Margali*” (dari pertengahan bulan Disember hingga bulan Januari). Pada hari-hari berkenaan mengikut Ganesa akan bangun awal iaitu pada pukul 4 pagi dan melakukan aktiviti membaca mantera, memuja dan bertapa. Badan mestilah dibersihkan dahulu sebelum melakukan aktiviti ini. Menurut Agama Hindu pemujaan dan pertapaan yang dilakukan pada awal pagi pada bulan “*Margali*” ini akan menjanjikan pahala yang lebih. Rumah juga harus dibersihkan setiap hari sepanjang bulan ini agar pemujaan yang dilakukan lebih berkesan lagi.

PANCHA GANESA

Panca Ganesa ialah perayaan yang diadakan untuk Ganesa yang berwajah lima. Dalam bahasa Tamil ‘Pancha’ bermaksud lima. Perayaan ini diadakan pada hari ketiga puluh perayaan “*Margali Ganesa*” dan ia akan berlangsung selama 5 hari (dari 21 Disember sehingga 25 Disember)¹⁵. Menurut astronomi Hindu pada waktu itu pergerakan matahari yang ke arah selatan akan tamat dan ia mula bergerak ke arah utara. Ia merupakan jangka waktu yang harus diraikan. Oleh yang demikian penganut-penganut Ganesa meraikannya dengan melawat saudara-mara menghantar kad-kad ucapan dan sebagainya. Perayaan *Pancha Ganapathi* ini lebih merupakan satu perayaan “*Thanks giving*” iaitu perayaan memberi dan memperingati di kalangan pengikut-pengikutnya. Walau bagaimanapun, perayaan ini merupakan perayaan moden dan ia kurang mendapat sambutan di kalangan pengikut-pengikut Ganesa.

¹⁵ Satguru Sivaya Subramuniyaswami, *Loving Ganesa.*, New York., Himalaya Academy, 2000) m.s.308

MANTERA-MANTERA GANESA

Mantera-mantera Ganesa disebut sebagai “Siddhi Mantras” kerana setiap mantera mempunyai fungsi yang berlainan. Kepercayaan kepada Arca Ganesa tersebut dengan menyebut mantera-mantera dapat memberikan manfaat kepada pengikutnya¹⁶. Secara umumnya mantera-mantera Ganesa dapat menghapuskan segala kuasa jahat dan mengurniakan kegembiraan, kejayaan dan kemakmuran dalam hidup kepada para pengikutnya. Roh-roh yang jahat juga tidak akan menghampiri rumah atau tempat kediaman jika mantera-mantera ini sering kedengaran. Jika diperlihatkan salah satu alatan Ganesa ialah *Chakras* atau roda. Roda berkait rapat dengan amalan kehidupan kita. Mantera-mantera untuk *Chakras* ini jika dipraktikkan dapat membebaskan manusia daripada belengu kekusutan mental, kekelirun, perasaan cemburu, perasaan marah dan perasaan takut. Mantera ini perlulah dibaca dengan prosedur yang betul. Adalah dicadangkan agar mantera-mantera ini disebut bersama dengan tok guru yang arif supaya tidak membawa kecelakaan kepada pengamalnya. Seseorang yang ingin membaca mantera-mantera ini harus berada dalam keadaan yang bersih. Mereka harus mandi terlebih dahulu dan kemudiaan menyembah Ganesa. Tidak ketinggalan pula mereka perlu melakukan *prayanama* sebelum menyebut mantera. Mereka juga perlu menyediakan kalungan yang mempunyai 108 biji manik. Manik-manik ini akan dikira semasa membaca mantera khasnya mantera yang perlu disebut sebanyak 108 kali. Fungsi utama kalungan manik adalah untuk memudahkan pengiraan dan tidak keliru semasa menyebut mantera. Apabila proses ini dilakukan selama 48 hari secara terus menerus maka para pengikutnya akan mendapat tenaga batin yang luar biasa. Kuasa yang luar biasa ini perlulah digunakan untuk mengubati orang sakit atau untuk membantu orang yang berada

¹⁶ Arangkavalangal *Pilayar Vazhipadu* (Chennai : Kathalagam, 1993) m.s.68

dalam kesusahan. Jika ia disalahgunakan segala mantera-mantera Ganesa akan bertukar menjadi sumpahan yang boleh memusnahkan kehidupan pengikutnya.

Antara mantera-mantera Ganesa yang merangkumi keistimewaan adalah seperti;

Aum Gam Ganapathiyee

Mantera ini kebiasaannya disebut sebelum melakukan sesuatu kerja atau pun perbuatan. Contoh kerja atau perbuatan yang dimaksudkan adalah seperti sebelum pergi merantau, memulakan perniagaan, menyertai jawatan baru dan sebagainya. Tujuannya adalah agar kerja yang akan dibuat dapat dilaksanakan dengan berjaya tanpa sebarang gangguan.

Aum Shri Ganeshaya

Mantera ini kebiasaannya akan diajar kepada budak-budak sekolah agar mereka boleh berjaya dalam pelajaran mereka. Mantera ini akan membuka hati pelajar-pelajar dan dapat menambahkan daya ingatan mereka. Dengan menyebut mantera ini juga pelajar-pelajar akan berasa tenang semasa menjawab soalan-soalan peperiksaan. Orang-orang dewasa juga boleh mempraktikkan mantera ini untuk mendapatkan kelulusan yang cemerlang di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Aum Vakratundayaya Hum

Ini merupakan salah satu mantera yang paling berkuasa. Mantera ini digunakan apabila berlaku sesuatu yang luar biasa di dunia ini seperti ribut taufan, gempa bumi,

peperangan dan sebagainya. Manusia juga kadang-kala hilang pertimbangan dan bersikap kejam. Oleh yang demikian mantera ini boleh juga digunakan untuk menyedarkan individu-individu tersebut. Mantera ini juga boleh menunjukkan jalan yang benar kepada para pengikutnya. Dalam mitos-mitos Ganesa mantera ini sering digunakan untuk menghapuskan kuasa-kuasa jahat dan membunuh raksasa. Jika mantera ini disebut sebanyak 1008 kali tanpa henti ia akan memberikan satu semangat baru kepada penyebutnya.

Aum Kshipra Prasadaya

Mantera ini digunakan untuk menghalang roh-roh jahat yang ingin mengganggu. Dengan menyebut mantera-mantera ini secara seponatan kita dapat menghindarkan diri kita daripada gangguan makhluk ciptaan tuhan yang tidak dapat dilihat oleh manusia dengan mata kasar. Tetapi mantera ini berfungsi untuk jangkawaktu yang singkat sahaja dan digalakkan untuk diguna pada waktu kecemasan.

Aum Sumukhaya

Mantera ini adalah untuk memastikan agar pengikutnya sentiasa muda dan cantik. Perkataan 'Muda' membawa maksud muda dari segi roh dan semangat. Pengamalan mantera ini akan memberikan pemikiran yang stabil dan membolehkan seseorang itu berucap secara rasional. Mantera ini juga menekankan aspek-aspek kasih sayang, cinta dan keikhlasan di antara umat manusia.

Aum Ekadantaya

Ekadantaya dalam mantra ini bermaksud gading Ganesa. Gading yang satu sahaja sebenarnya menerangkan tentang penumpuan (one-pointed mind). Kita hendaklah menumpukan sepenuh perhatian dalam apa jua kerja yang kita buat. Penyembahan Ganesa yang penuh konsentrasi tentunya akan membuahkan hasil akan memperolehi apa yang kita hajatkan.

Aum Kapilaya

Kapilaya bermaksud warna merah. Mantra ini menyatakan bahawa umat manusia dikelilingi oleh warna dan manusia sendiri boleh mencipta warna. Warna-warna ini boleh memberikan kegembiraan kepada manusia dan boleh membebaskan manusia dari kedukaan. Satu lagi makna bagi mantra ini ialah “wish cow” atau “cow of plenty”. Ini bermaksud jika kita benar-benar menghayati sesuatu maka dengan adanya anugerah Ganesa dan mantra-manteranya, hajat kita akan tercapai. Lebih-lebih lagi jika hajat berkenaan adalah untuk membantu orang lain maka ia akan dimakbulkan serta merta.

Aum Gajakarnikaya

Mantra ini menerangkan tentang telinga Ganesa yang besar. Telinga ini mempunyai keistimewaan di mana ia hanya akan mendengar perkara-perkara yang baik sahaja. Walaupun di mana Ganesa berada tetapi ia hanya mendengar suara tuhan, suara malaikat dan suara-suara bidadari. Oleh yang demikian dengan menyebut mantra ini, umat manusia akan dianugerahkan dengan ciri-ciri telinga iaitu mendengar dan menerima perkara-perkara yang berguna sahaja.

Aum Lambodaraya

Mantera ini menyatakan bahawa alam sejagat ini sebenarnya terletak pada diri manusia. Alam sejagat ini adalah berasal daripada bunyi “Aum” dan bunyi ini sendiri adalah berasal daripada manusia. Di sini kita dapat melihat kaitan antara alam sejagat dan manusia. Dengan menyebut perkataan “shanti” (keamanan) setiap hari kita akan mendapat ketenangan jiwa.

Aum Vikataya

Mantera ini menekankan bahawa manusia harus sedar bahawa dunia adalah drama dan semua yang wujud tidak akan kekal. Hanya mereka yang mempunyai tahap kesedaran yang tinggi yang boleh menerima konsep ini. Semua manusia mempunyai peranan masing-masing dan harus pandai melakonkan watak yang diberikan. Manusia kini lebih berminat mengejar kekayaan duniawi. Justeru itu kehidupan ini penuh dengan ego, cemburu dan kepura-puraan. Dengan menyebut mantera ini tahap kesedaran manusia akan meningkat dan mereka mula mengenali peranan masing-masing.

Aum Vinayakaya

Vinayaka bermaksud Ganesa yang berada dalam zaman keemasannya. Mereka yang menyebut mantera ini akan dapat merasa zaman keemasan dalam hidupnya. Mungkin mereka akan dilantik sebagai ketua di pejabat atau di tempat kerja. *Vinayaka* juga membawa maksud di bawah kawalan¹⁷. Justeru itu, orang yang mempraktikkan mantera ini tentunya akan memperolehi kuasa untuk menguasai orang bawahannya di tempat kerja atau bidang yang diceburinya.

¹⁷ Satguru Sivaya Subramuniyaswami, *Loving Ganesa* (New York, Himalaya Academy, 2000) m.s.174

Aum Dhuraketuve

Mantera ini lebih mementingkan alam sejagat. Dalam vedas ada dinyatakan bahawa segala bentuk kekejaman akan berlaku di alam ini. Orang-orang ternama akan dibunuh. Banyak nyawa akan dimusnahkan oleh bencana alam. Dunia ini akan dimusnahkan oleh bencana alam. Dunia ini akan dibasahi dengan darah. Untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku kita sebagai manusia yang cintakan keamanan harus mengingati mantera ini.

Aum ganadhyakhaya

Ini merupakan mantera yang sangat penting. Mantera ini kebiasaanya disebut secara beramai-ramai dalam majlis atau semasa melakukan pemujaan secara berkelompok. Mantera ini digunakan untuk menyembuhkan seseorang yang sakit, untuk mendapatkan berkat Ganesa, untuk kemakmuran sesebuah negara dan sebagainya¹⁸.

¹⁸ Satguru Sivaya Subramuniaswami, *Loving Ganesa* (New York., Himalaya Academy, 2000) m.s.174


BAB 2: ARCA GANESA DI DAERAH KUALA MUDA

PENDAHULUAN


Dalam bab yang lepas telahpun dihuraikan tentang kedudukan Ganesa dalam agama Hindu. Dalam bab ini pula kajian akan lebih difokuskan kepada Arca Ganesa khususnya di Daerah Kuala Muda. Tumpuan telah diberikan kepada latar belakang kawasan iaitu di Daerah Kuala Muda. Kuil-kuil di setiap ceruk Kuala Muda telah dikunjungi untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang arca Ganesa. Di samping itu, sejarah kawasan Lembah Bujang juga disentuh agar para pembaca mendapat gambaran yang jelas lagi tentang pengaruh Ganesa di Tanah Melayu. Lembah Bujang merupakan kawasan yang paling awal menerima pengaruh agama Hindu iaitu pada abad ke-4. Oleh yang demikian memang wajar kajian kita bermula dari tempat tersebut. Tambahan pula arca Ganesa yang awal telah ditemui di kawasan ini. Bab ini juga membincangkan tentang tempat-tempat perletakkan arca Ganesa. Arca Ganesa yang telah siap perlulah ditempatkan di tempat-tempat yang sesuai untuk tujuan pemujaan yang lebih berkesan. Antara tempat-tempat yang menjadi pilihan ialah di tepi sungai, di bawah pokok, di tepi jalan dan di persimpangan jalan. Setiap tempat ini mempunyai keistimewaannya tersendiri dan sebab itulah ia telah menjadi pilihan. Bentuk-bentuk Ganesa pula adalah berlainan di antara satu sama lain. Perbezaan di antara bentuk Ganesa yang terdapat di Daerah Kuala Muda juga akan dibincangkan pada bab ini.

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Daerah Kuala Muda (rajah 2.1). Keluasan kawasan ini ialah 922.7 km. Bandar utama bagi kawasan ini ialah Bandar Sungai Petani. Jumlah penduduk kawasan ini pada tahun 2004 ialah 740,006 orang. Kadar pertumbuhan penduduk pula ialah sebanyak 6.5 % untuk setahun.



Rajah 2.1 : Peta Kedah dan Kedudukan Daerah Kuala Muda



Rajah 2.2 : Peta Daerah Kuala Muda dan Pembahagian Mukim-mukim

- ★ 1 Kuil Ganesa – Sungai Petani
- ★ 2 Kuil Ganesa – Bedong
- ★ 3 Kuil Ganesa – Kampung Abu Bakar
- ★ 4 Kuil Ganesa – Padang Lembu
- ★ 5 Kuil Ganesa – Bukit Kuasa
- ★ 6 Kuil Ganesa - Sungai Puntar
- ★ 7 Kuil Ganesa – Ladang Lubok Segintah